

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-**

- a) sama ada pencen bagi bekas tentera akan ditingkatkan seiring dengan kos sara hidup yang meningkat; dan
- b) sama ada bekas tentera yang tidak berpencen akan menerima bantuan yang lebih baik daripada Kerajaan sebagai balasan kepada perkhidmatan dan jasa mereka kepada negara.

**JAWAPAN:**

**Bagi menampung beban kos sara hidup yang meningkat setiap tahun, kerajaan telah pun meluluskan kenaikan pencen perkhidmatan sebanyak dua peratus (2%) setiap tahun mulai 1 Januari 2013. Selain itu, kerajaan juga telah menaikkan kadar pencen minimum daripada RM 720.00 sebulan kepada RM 820.00 sebulan mulai bulan Januari 2012 bagi mengimbangi keperluan hidup yang semakin meningkat demi membantu golongan tersebut.**

**Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat semua bekas tentera tidak kira dari golongan berpencen mahupun tidak berpencen untuk menikmati kehidupan yang lebih baik. Ia berdasarkan kepada pengorbanan lampau golongan Veteran serta jasa mereka kepada negara.**

**Bagi Veteran ATM yang tidak berpencen, pihak Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) telah menyediakan 5 Skim Bantuan Kebajikan untuk membantu meringankan beban kos sara hidup seperti berikut:**

- i. **Bantuan Sarah Hidup.**
- ii. **Bantuan Persekolahan Anak Veteran.**
- iii. **Bantuan Kemasukan anak Veteran ke IPTA.**
- iv. **Bantuan Peralatan Pesakit.**
- v. **Bantuan Bencana Alam.**

**Bagi menambahbaik bantuan kebajikan sedia ada dan meningkatkan taraf sosioekonomi Veteran ATM pula, pihak Kerajaan telah memperkenalkan Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS-7) untuk membantu golongan ini. Terdapat 7 inisiatif di bawah program ini seperti berikut:**

- i. **Program Membaikpulih Rumah Veteran 1Malaysia.**
- ii. **Pusat Sehenti Veteran 1Malaysia.**
- iii. **Program Penempatan Kerja untuk Veteran ATM.**
- iv. **Bantuan Keusahawanan.**
- v. **Meningkatkan Penerimaan Latihan PERHEBAT oleh Industri.**
- vi. **Program Keluarga Veteran 1Malaysia.**
- vi. **Kad Privilege 1Malaysia.**

**Selain itu pada tahun 2010, kerajaan telah mengumumkan bahawa kadar Bantuan Mengurus Jenazah dinaikkan dari RM500.00 ke RM3,000.00 kepada Veteran yang meninggal dunia sama ada berpencen ataupun tidak berpencen. Manakala RM1,500.00 untuk isteri yang meninggal dunia yang dikahwini semasa di dalam perkhidmatan dan anak yang berumur tidak melebihi 18 tahun serta anak yang masih belajar di Institut Pengajian Tinggi yang tidak melebihi umur 21 tahun.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ**  
**[ RAUB ]**

**SOALAN : 255**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) senaraikan pemegang saham dalam FGV yang terkini; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang memindahkan saham yang dipegang oleh FAHC kepada KPF secara langsung.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai pemegang saham dalam FGV yang terkini (sehingga 16 April 2015) adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	%
1.	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)	20.00
2.	FELDA ASSET HOLDINGS COMPANY SDN. BHD	13.66
3.	LEMBAGA TABUNG HAJI	7.78
4.	KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD	5.74
5.	KUMPULAN WANG PERSARAAN	5.54
6.	EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD	5.24
7.	PAHANG STATE GOVERNMENT	5.00
8.	SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)	4.13
9.	SAWIT KINABALU SDN BHD	2.44
10.	NATIONAL ASSOCIATION (QATAR)	2.20
11	OTHERS	28.27
JUMLAH		100

FELDA tidak bercadang untuk memindahkan saham yang dipegang oleh FAHC kepada KPF secara langsung.

Sekian, terima kasih.